
ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

MELANGKAUI BATASAN: ANALISIS STRATEGIK SCORE DALAM MEMBANGUNKAN KOMPETENSI GLOBAL GURU DI MALAYSIA

BEYOND THE BOUNDARIES: SCORE STRATEGIC ANALYSIS IN DEVELOPING THE GLOBAL COMPETENCE OF TEACHERS IN MALAYSIA

**Siti Nurul Aqiedah Ibrahim^{*1}, Mohd Effendi Ewan Mohd Matore²,
Engku Mohd Sharul Akimi Engku Ismail³,
Adila Athirah Abdul Hadi⁴**

¹ Faculty of Education, National University of Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p131647@siswa.ukm.edu.my

² Research Centre of Education, Leadership and Policy, Faculty of Education, The National University of Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: effendi@ukm.edu.my

³ Faculty of Education, National University of Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p132690@siswa.ukm.edu.my

⁴ Faculty of Education, National University of Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p133506@siswa.ukm.edu.my

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/305>

Abstract

A highly globally competent teacher can nurture and shape students with noble values, appreciate and be open to cultural diversity, understand multiple perspectives, and be able to communicate and collaborate with individuals from different backgrounds to ensure global sustainability. Discussions on global competency using SCORE analysis are rarely held. Therefore, this concept paper aims to discuss strategy-based assessment in developing teachers' global competency in Malaysia using the SCORE analysis, which includes the elements of Strength, Challenges, Options, Responses, and Effectiveness. The study results show that teachers' global competency development has high potential if effective strategies are properly organized. The benefits extend beyond the country's education sector, positively impacting stakeholders and external parties due to its significant business value. The limitations of this concept paper can be addressed by using other models such as SWOT, NOISE, or SOAR as analysis models. This concept paper implies that it enriches the literature by offering a systematic analytical framework to evaluate and enhance global competency in education, adds a strategic dimension to research on teachers' global

competency, helps to understand how teachers can build capacity more structurally and focused, and provides clear guidance for teachers and administrators in identifying strengths, addressing challenges, and implementing effective actions to enhance the effectiveness of education programs in schools. A recommendation for future research is to evaluate how strategic approaches such as SCORE help teachers identify strengths and challenges in global education, explore action options, and assess their effectiveness in enhancing global competency.

Keywords: Global Competency, Teacher, SCORE Analysis, Strategy, Planning Tool

Abstrak

Guru berkompetensi global tinggi ialah guru yang berkeupayaan memupuk dan membentuk pelajar yang mempunyai nilai murni, menghargai dan terbuka kepada kepelbagaiannya budaya serta memahami kewujudan pelbagai perspektif dan boleh berkomunikasi dan seterusnya bekerjasama dengan individu yang mempunyai latar belakang berbeza dalam memastikan kelestarian global. Perbincangan tentang kompetensi global dengan menggunakan analisis SCORE jarang dibincangkan. Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan pentaksiran berasaskan strategi dalam pembangunan kompetensi global guru di Malaysia dengan menggunakan analisis SCORE iaitu Strength (Kekuatan), Challenges (Cabaran), Options (Pilihan), Responses (Tindak balas), dan Effectiveness (Keberkesan). Hasil kajian menunjukkan pembangunan kompetensi global guru mempunyai potensi tinggi untuk dibangunkan jika strategi yang berkesan disusun dengan sebaiknya. Ia bukan sahaja memberikan keuntungan kepada bidang pendidikan negara, namun juga memberikan kesan baik kepada pemegang taruh serta pihak luar kerana mempunyai nilai perniagaan yang tinggi. Kertas konsep ini boleh diperbaiki dengan menggunakan model lain seperti SWOT, NOISE atau SOAR sebagai model analisis. Implikasi kertas konsep ini ialah ia memperkaya literatur dengan menawarkan kerangka analisis yang sistematik untuk menilai, meningkatkan kompetensi global dalam pendidikan, menambah dimensi strategik dalam kajian kompetensi global guru, membantu memahami bagaimana guru boleh membina kebolehan secara lebih berstruktur dan berfokus serta memberi panduan yang jelas kepada guru dan pentadbir dalam mengenal pasti kekuatan, menangani cabaran, dan melaksanakan tindakan efektif seterusnya memperkuat keberkesan program pendidikan di sekolah-sekolah. Cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan ialah menilai bagaimana pendekatan strategik seperti SCORE membantu guru mengenal pasti kekuatan dan cabaran dalam pendidikan global, serta meneroka pilihan tindakan dan menilai keberkesanannya dalam meningkatkan kompetensi global.

Kata Kunci: Kompetensi Global, Guru, Analisis SCORE, Strategi, Alat Perancangan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 3rd September 2024, revised 30th October 2024, accepted 16th November 2024

Pengenalan

Di era globalisasi ini, capaian perhubungan tidak lagi terhad sesama kita dalam satu negara atau dengan negara jiran sahaja. Kini kita boleh berhubung dengan semua dari pelbagai negara tanpa mengira tempat dan jarak. Hal ini semua menjadi nyata dengan perkembangan teknologi, impak media sosial dan pembangunan pesat infrastruktur rangkaian. Li et al. (2022) mendapati perkembangan internet pada masa kini telah meningkatkan waktu perhubungan sesama manusia. Manusia boleh berhubung sesama mereka dalam jaringan peringkat antarabangsa dalam meningkatkan lagi profesionalisme mereka. Ini seterusnya mengembangkan lagi idea mereka untuk kesejahteraan sejagat dan kelestarian dunia. Seseorang individu memerlukan beberapa kemahiran untuk bekerjasama di peringkat antarabangsa. Kemahiran-kemahiran ini jika digabungkan akan membentuk satu kompetensi global yang membolehkan seseorang itu untuk menjalankan hubungan profesional di peringkat global dengan masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya.

Bidang pendidikan merupakan tunjang utama dalam memupuk serta membentuk individu yang berkompetensi global. Keupayaan guru untuk mempunyai tahap kompetensi global yang tinggi adalah satu keperluan yang mendesak. Hal ini kerana guru memainkan peranan yang penting dalam memupuk kompetensi global dalam diri pelajar (Jiaxin et al., 2024).

Kompetensi global ialah konsep multidimensi yang dikaitkan dengan aspek yang berkaitan secara langsung dengan profesi perguruan seperti kerjasama, inklusi, penglibatan sosial dan dialog pelbagai budaya (Parmigiani et al., 2022). Menurut Kerkhoff (2017), pelajar yang berkompetensi global adalah pelajar yang mempunyai sikap kewarganegaraan global dan mampu terlibat secara aktif dalam dunia digital dan global dengan memiliki pelbagai literasi yang diperlukan.

Mengikut OECD (2018), kompetensi global ialah keupayaan individu untuk bertindak secara kolektif sebagai warga global yang berfikiran terbuka terhadap kepelbagaiannya budaya, memahami perspektif berbeza berdasarkan latar belakang masing-masing, dan keupayaan untuk berinteraksi secara berkesan dengan orang lain dari pelbagai budaya dalam mencapai kebijakan kolektif bagi memastikan pembangunan mampan dapat diteruskan. Siti Nurul Aqiedah dan Mohd Effendi @ Ewan (2024) menyimpulkan bahawa guru yang mempunyai kompetensi global sebagai guru yang berkeupayaan untuk memupuk dan membentuk pelajar yang mempunyai nilai murni, menghargai dan terbuka kepada kepelbagaiannya budaya serta memahami kewujudan pelbagai perspektif, dan boleh berkomunikasi dan seterusnya bekerjasama dengan individu yang mempunyai latar belakang yang berbeza dalam memastikan kelestarian global.

Guru ialah individu yang bertanggungjawab untuk menanamkan elemen-elemen kompetensi global dalam diri pelajar, seterusnya membentuk individu yang berkompetensi global dan boleh bertindak secara aktif dalam memastikan kelestarian global, sebagaimana yang dihasratkan oleh SDG 4.7 iaitu memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain melalui pendidikan.

Walau bagaimanapun, perbincangan dan kajian tentang potensi pembangunan kompetensi global guru di Malaysia adalah terhad. Ia adalah langkah yang tepat untuk meneroka potensi positif kompetensi global guru di Malaysia bagi membolehkan perancangan yang strategik dan sistematis dalam membangunkan kompetensi global guru di Malaysia secara berkesan. Dalam kertas konsep ini, pentaksiran strategik menggunakan analisis SCORE digunakan kerana analisis ini mempunyai kelebihan, iaitu lebih bersifat positif dan berorientasikan tindakan berbanding analisis SWOT.

Kertas konsep ini akan membincangkan pentaksiran berasaskan strategi dalam pembangunan kompetensi global guru di Malaysia dengan menggunakan analisis SCORE yang merangkumi elemen Strength (Kekuatan), Challenges (Cabaran), Options (Pilihan), Response (Respon), dan Effectiveness (Keberkesanan).

Analisis Score – Pentaksiran Berasaskan Strategi


Analisis SCORE adalah alternatif yang boleh digunakan untuk mengenal pasti potensi dan alat penting yang memberikan pandangan tentang sesuatu perkara atau topik. Berbanding analisis yang lain seperti analisis SWOT, analisis NOISE dan analisis SOAR, analisis SCORE memberikan pentaksiran berasaskan strategi yang lebih positif dan memberikan hasil analisis yang berkesan kerana menggunakan pendekatan yang berstrategik dan komprehensif lalu membolehkan membuat keputusan untuk memanfaatkan kekuatan dan peluang semasa menyelesaikan halangan (Neal, 2024).

Rajah 1

Model SCORE- Pentaksiran Berasaskan Strategi Melangkaui SWOT (Neal, 2023)

Model

SCORE Model (strategy-assessment beyond SWOT)



Berdasarkan rajah 1, model SCORE merangkumi lima elemen utama iaitu kekuatan (*Strengths*, S), Cabaran (*Challenges*, C), Pilihan (*Options*, O), Tindak Balas (*Responses*, R) dan Keberkesanan (*Effectiveness*, E). Kekuatan merujuk kepada apa yang dilakukan dengan baik (atau

mempunyai potensi untuk melakukannya dengan baik); cabaran pula ialah halangan yang dihadapi serta sumber atau keupayaan tambahan yang diperlukan untuk mengatasi halangan dan mencapai kejayaan; pilihan merangkumi peluang dan risiko yang dihadapi; tindak balas ialah tindak balas daripada pihak berkepentingan dan pulangan atau ganjaran yang dijangkakan; manakala keberkesanan ialah bagaimana inisiatif berfungsi dengan cekap dan boleh dipercayai seperti mana yang dihasratkan.

Dalam artikel ini, analisis SCORE digunakan berbanding kebiasaan kajian yang berfokus kepada analisis SWOT. Menurut Taherdoost & Madanchian (2021), faktor persekitaran SWOT terlalu dipermudahkan dalam beberapa kes dan hasilnya mungkin jauh dari realiti sebenar. Bagi mendapatkan hasil analisis yang lebih tepat, maka model analisis SCORE digunakan.

Kekuatan (*Strengths*) Pembangunan Kompetensi Global Guru

Pembangunan kompetensi global dalam kalangan guru Malaysia mempunyai beberapa kekuatan yang menarik untuk dihuraikan. Bahagian ini akan membincangkan kekuatan dalam yang dimiliki serta sokongan luar yang ada dalam mengintegrasikan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia.

Salah satu kekuatan utama ialah tahap kompetensi global pelapis guru di Malaysia adalah tinggi seperti mana kajian yang telah dilakukan oleh Nurhijrah et al. (2019). Pelapis guru yang berkompetensi global tinggi bakal menjadi guru di lapangan sebenar dan diyakini mampu menjadi sandaran utama Kementerian Pelajaran Malaysia dalam (KPM) dalam membawa hasrat kerajaan melahirkan insan sejahtera yang mampu bersaing pada peringkat global seperti yang digariskan dalam Kurikulum 2027. Ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal, SDG*) keempat yang menekankan kualiti pendidikan sebagai asas kepada pembangunan global.

Selain itu, program pembangunan bakal guru mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi. Ini terbukti dengan keberkesanan program yang dirangka di institut pendidikan guru (IPG) seperti mana kajian yang dijalankan oleh Nurhijrah et al. (2020). Ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Kartini et al. (2023) yang menunjukkan peningkatan kompetensi bakal guru selepas inisiatif pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna. Hal ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai kekuatan untuk merangka program-program yang mampu membentuk guru berkompetensi global tinggi. Program pembangunan profesional berterusan yang direka dengan baik mempunyai kaitan positif dengan peningkatan kepuasan kerja guru, peningkatan keberkesanan pengajaran dan memastikan guru yang kompeten kekal lama dalam profesion (Jayanthi et al., 2023).

Malaysia mempunyai beberapa aspek kekuatan yang menunjukkan bahawa pembangunan kompetensi global dalam kalangan guru ini boleh dikembangkan lagi. Ia berada pada landasan yang betul dan langkah-langkah proaktif seterusnya boleh dijalankan untuk terus meningkatkan kompetensi global dalam kalangan gurunya, memastikan bahawa sistem pendidikan negara ini dapat mendepan cabaran global yang semakin kompleks.

Cabaran (*Challenges*) Pembangunan Kompetensi Global Guru

Cabaran-cabaran

Walaupun terdapat kekuatan yang jelas, terdapat juga cabaran yang perlu dihadapi. Bahagian ini akan membincangkan cabaran yang dihadapi, kebolehan dan khidmat yang diperlukan serta cadangan langkah yang boleh diambil untuk mengatasi cabaran.

Salah satu cabaran utama dalam mengembangkan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia adalah ketidakseragaman dalam pelaksanaan kurikulum global di institusi pendidikan. Kajian oleh Ferguson-Patrick et. al (2018) menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai sokongan untuk kaedah pengajaran bersepada, amalan bilik darjah sering gagal untuk mencerminkan usaha ini lalu menunjukkan jurang antara dasar dan amalan. Kajian oleh Nursyafiqah et al. (2022) juga mendapati guru-guru *English as Second Language (ESL)* kurang mengintegrasikan elemen kompetensi global dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Masalah ini dirumitkan lagi oleh kekangan infrastruktur, terutamanya di kawasan luar bandar, di mana kekurangan akses kepada teknologi menghalang penyokongan pembelajaran (Noor Hazlinda et al., 2021) termasuk pembelajaran global.

Selain itu, kerjasama antarabangsa yang terhad juga merupakan cabaran penting. Guru-guru di Malaysia sering kali hanya terlibat dalam program dan kolaborasi yang melibatkan institusi tertentu atau hanya melibatkan guru-guru tertentu. Ini menyebabkan berlaku ketidaksamaan dalam pengalaman global. Kekangan ini turut diperburuk oleh sikap skeptikal daripada pemegang taruh tempatan, seperti ibu bapa dan komuniti, yang bimbang bahawa pendidikan global mungkin mengurangkan penekanan kepada subjek tradisional.

Isu penyelarasan antara pihak berkepentingan juga menjadi cabaran besar. Ketiadaan penyelarasan yang baik antara pihak berkepentingan boleh menyebabkan inisiatif kompetensi global tidak mencapai potensinya.

Selain itu, kekurangan latihan dan pembangunan profesional yang berterusan menambahkan lagi kesulitan dalam memastikan guru-guru mampu mengaplikasikan kompetensi global dengan berkesan dalam pengajaran mereka. Tanpa latihan professional yang mencukupi, guru sukar untuk mengintegrasikan kemahiran global dalam kelas mereka. Kekurangan latihan dan pembangunan profesional yang berterusan menghalang keupayaan guru untuk mengintegrasikan elemen kompetensi global dalam kelas dengan berkesan, mengehadkan kemahiran pedagogi mereka dan mengurangkan kualiti pendidikan yang diberikan kepada pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Hervie & Winful (2018) mendapati salah satu faktor yang menyumbang kepada prestasi rendah guru ialah kekurangan latihan yang kerap atau program pembangunan professional berterusan.

Tambahan pula, kelemahan program pembangunan kompetensi global guru di Malaysia turut menjadi cabaran utama yang perlu diatasi. Kajian yang dilakukan oleh Nur Syafiqah et al. (2022) mendapati bahawa guru-guru menyatakan bahawa kursus-kursus tentang kompetensi global adalah tidak mencukupi dan perlu diperbanyak lagi.

Kebolehan dan Khidmat Baru Yang Diperlukan Untuk Mengatasi Cabaran-cabaran

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, beberapa kebolehan dan khidmat baharu diperlukan. Pertama adalah pengintegrasian teknologi dan infrastruktur. Guru perlu mempunyai akses kepada peralatan digital moden, internet berkelajuan tinggi, dan sumber pembelajaran dalam talian untuk menyokong pembelajaran global. Ini memerlukan pelaburan oleh kerajaan dan institusi pendidikan dalam meningkatkan infrastruktur di sekolah-sekolah, terutamanya di kawasan luar bandar.

Kedua, latihan dan pembangunan profesional yang berterusan adalah penting (Nursyafiqah et al., 2022). Program pembangunan kompetensi global ini mestilah dirancang dan dibentuk untuk memenuhi keperluan semasa guru (Siti Nurul Aqiedah & Mohd Effendi @ Ewan, 2024). Guru memerlukan latihan dalam bidang kompetensi global yang melibatkan pendekatan terkini dalam pendidikan global dan teknologi. Program latihan ini perlu meliputi kursus dalam talian, bengkel, dan latihan praktikal untuk memastikan guru dapat menguasai kompetensi global dengan berkesan.

Ketiga, membangunkan kerjasama antarabangsa dan rangkaian profesional global dapat meningkatkan pengalaman global guru. Mewujudkan program pertukaran dan projek bersama dengan institusi pendidikan luar negara dapat membantu guru mendapatkan perspektif dan pengetahuan yang lebih luas. Baily & Holmarsdottir (2019) menyatakan program pertukaran guru dapat membentuk guru yang berfikiran global.

Keempat, pendidikan dan kesedaran komuniti perlu ditingkatkan. Menggalakkan pemahaman dan sokongan daripada pemegang taruh tempatan, seperti ibu bapa dan komuniti, tentang kepentingan pendidikan global dapat membantu mengatasi keraguan dan penentangan terhadap pendekatan pendidikan global.

Cadangan Langkah Bagi Mengatasi Cabaran

Untuk mengatasi cabaran yang dihadapi, beberapa langkah boleh diambil. Pertama, kerajaan dan institusi pendidikan perlu melabur dalam pengukuhan infrastruktur teknologi di sekolah-sekolah. Langkah ini bagi memastikan akses kepada internet dan peralatan digital yang diperlukan untuk pembelajaran global dapat dicapai. Penggunaan teknologi dapat membantu guru meningkatkan kompetensi mereka (Abid et al. 2022).

Kedua, program latihan profesional yang berterusan perlu diwujudkan untuk guru yang melibatkan kursus dalam talian dan bengkel praktikal dalam bidang kompetensi global (Nursyafiqah et al., 2022; Siti Nurul Aqiedah & Mohd Effendi @ Ewan, 2024). Ketiga, mewujudkan program kerjasama antarabangsa dengan institusi pendidikan luar negara dan organisasi antarabangsa. Ini dapat menawarkan peluang pertukaran dan projek bersama. Keempat, mengadakan sesi pendidikan dan penerangan kepada ibu bapa dan komuniti tentang manfaat dan kepentingan pendidikan global seterusnya dapat membantu meningkatkan sokongan tempatan. Langkah berikutnya adalah menggalakkan penyelarasian antara pihak berkepentingan untuk memastikan inisiatif pendidikan global dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai potensi penuh.

Mengatasi cabaran dalam mengembangkan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan pelaburan dalam infrastruktur, latihan profesional, kerjasama antarabangsa, dan pendidikan komuniti. Dengan melaksanakan cadangan-cadangan ini, Malaysia dapat memperkuuh kompetensi global dalam kalangan guru dan seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan global di negara ini.

Pilihan (*Options*) Dalam Pembangunan Kompetensi Global Guru

Dalam usaha untuk mengembangkan pembangunan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia, terdapat pelbagai peluang yang boleh dimanfaatkan. Walau bagaimanapun, setiap peluang datang bersama risiko yang perlu diuruskan. Di samping itu, risiko yang timbul dari peluang-peluang ini juga boleh membuka pintu kepada peluang-peluang baharu. Memahami hubungan antara peluang, risiko, dan peluang baharu ini adalah penting untuk menyusun strategi pembangunan pendidikan yang efektif. Di samping itu, penting untuk mengenal pasti pilihan yang ada berhubung dengan peluang dan risiko yang timbul. Bahagian ini akan mengupas peluang, risiko yang timbul, peluang-peluang baharu dan pilihan yang tersedia, langkah pelaksanaan pilihan, serta keutamaan pemilihan pilihan.

Peluang yang Tersedia

Peluang utama dalam pembangunan kompetensi global guru ini termasuk pengintegrasian teknologi dalam pendidikan, peluang kerjasama antarabangsa, dan peningkatan latihan profesional. Pengintegrasian teknologi dapat memperluas akses kepada sumber pembelajaran global dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dan seterusnya menarik minat dan menggalakkan pelajar untuk mengamalkan pembelajaran kendiri.

Kerjasama antarabangsa seperti program pertukaran dan projek bersama dengan institusi pendidikan luar negara boleh memberikan guru pengalaman dan pengetahuan global yang luas seterusnya menjanjikan peluang yang signifikan. Peningkatan latihan profesional yang berterusan adalah peluang yang dapat membantu guru menguasai kompetensi global secara berkesan. Latihan ini termasuk kursus dalam talian dan bengkel praktikal yang dapat mempertingkatkan kemahiran pengajaran dan pemahaman tentang isu global.

Risiko yang Muncul dengan Peluang

Walaupun peluang-peluang ini menjanjikan banyak manfaat, mereka juga datang dengan risiko tertentu. Salah satu risiko utama ialah ketidakmampuan untuk menguruskan pelaksanaan teknologi yang kompleks, yang boleh menyebabkan ketidaksamaan dalam akses dan penggunaan teknologi di sekolah-sekolah. Risiko lain termasuk kemungkinan kerjasama antarabangsa yang tidak berkesan jika tidak ada penyelarasan yang baik antara pihak berkepentingan, yang boleh mengakibatkan penggunaan sumber yang tidak optimal.

Tambahan pula, risiko yang timbul dari peningkatan latihan profesional termasuk kos yang tinggi dan kemungkinan bahawa latihan yang diberikan mungkin tidak disesuaikan dengan MJSSH 2025; 9(1)

keperluan spesifik guru atau institusi pendidikan. Kekurangan sokongan berterusan selepas latihan juga boleh menyebabkan kesukaran dalam penerapan pengetahuan yang dipelajari.

Peluang yang Muncul dari Risiko

Risiko yang timbul dari peluang ini boleh membuka pintu kepada peluang baharu. Contohnya, ketidaksamaan dalam akses teknologi boleh mendorong usaha untuk membangunkan penyelesaian inovatif dalam pendidikan digital yang lebih inklusif. Ini boleh mengarah kepada penciptaan platform pendidikan yang lebih adaptif dan bersifat universal dan mampu mengatasi masalah akses dan ketidaksamaan.

Kerjasama antarabangsa yang kurang berkesan dapat memacu usaha untuk memperbaik struktur dan proses penyelaras, serta mendorong pembentukan rangkaian yang lebih kukuh antara institusi pendidikan tempatan dan antarabangsa. Usaha ini boleh menghasilkan model kerjasama yang lebih berkesan dan bermanfaat, serta meningkatkan kualiti dan keberkesan program pertukaran.

Begitu juga, risiko berkaitan dengan kos dan keberkesan latihan profesional boleh mencetuskan inovasi dalam penyampaian latihan yang lebih fleksibel dan berpatutan. Ini mungkin termasuk penggunaan teknologi untuk latihan dalam talian atau pendekatan yang lebih khusus yang memenuhi keperluan guru secara individu (Darling-Hammond et al., 2017).

Pilihan dalam Menghadapi Peluang dan Risiko

Untuk menguruskan peluang dan risiko dalam mengembangkan kompetensi global guru, terdapat beberapa pilihan strategik boleh dipertimbangkan. Pertama, dalam menghadapi peluang pengintegrasian teknologi, pilihan yang ada termasuk melabur dalam pembangunan infrastruktur teknologi yang lebih baik dan menyediakan latihan khusus untuk guru dalam penggunaan teknologi pendidikan. Kedua, berkaitan dengan kerjasama antarabangsa, pilihan yang boleh dilaksanakan termasuk memperluas rangkaian kerjasama dengan institusi global dan meningkatkan penyelaras antara pihak berkepentingan untuk memastikan kerjasama yang lebih berkesan. Ketiga, untuk menangani risiko berkaitan dengan latihan profesional, antara pilihan yang tersedia termasuk membangunkan program latihan yang lebih fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan individu guru (Darling-Hammond et al., 2017).

Langkah Pelaksanaan Pilihan

Bagi melaksanakan pilihan yang bersesuaian dengan keperluan, beberapa langkah strategik perlu diambil. Sebagai contoh untuk pengintegrasian teknologi, langkah pertama adalah melakukan penilaian menyeluruh mengenai keperluan teknologi di sekolah-sekolah dan melaksanakan pelaburan dalam peralatan dan infrastruktur yang diperlukan. Seterusnya, menyediakan kursus latihan yang khusus untuk guru dalam penggunaan teknologi pendidikan akan memastikan mereka dapat memanfaatkan teknologi secara efektif.

Dalam konteks kerjasama antarabangsa, antara tindakan yang boleh diambil termasuk memperkenalkan dan menyokong program pertukaran guru serta projek bersama dengan institusi pendidikan luar negara. Ini boleh dicapai dengan mengadakan perbincangan dan membentuk rangkaian kerjasama yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kementerian pendidikan dan organisasi pendidikan global seperti OECD.

Bagi menangani risiko berkaitan latihan profesional, adalah penting untuk membangunkan dan melaksanakan program latihan yang berterusan dan berfokus. Ini boleh melibatkan pengajuran kursus dalam talian yang membolehkan guru mengakses latihan tanpa perlu meninggalkan tempat kerja mereka. Selain itu, sokongan berterusan dan peluang untuk latihan tambahan perlu disediakan bagi membantu guru dalam mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka (Darling-Hammond et al., 2017).

Keutamaan Pemilihan Pilihan

Dalam menentukan keutamaan bagi pilihan, beberapa faktor perlu dipertimbangkan. Pertama ialah mempertimbangkan keperluan segera dan impak jangka panjang. Pengintegrasian teknologi, sebagai contoh, memerlukan perhatian segera kerana ia menyokong semua aspek pendidikan. Oleh itu, melabur dalam infrastruktur teknologi dan latihan guru adalah keutamaan utama.

Kedua, kerjasama antarabangsa harus disegerakan selepas aspek teknologi diambil tindakan kerana ia melibatkan pembinaan rangkaian dan penyelarasan yang memerlukan masa dan usaha yang berterusan. Memperluas kerjasama antarabangsa akan membawa manfaat jangka panjang melalui pengalaman global yang diperolehi.

Ketiga, walaupun latihan profesional adalah penting, ia boleh dilaksanakan selepas pengintegrasian teknologi dan kerjasama antarabangsa. Membangunkan program latihan yang fleksibel dan berterusan akan memastikan guru sentiasa diperbaharui dengan kemahiran terkini dan berupaya untuk melaksanakan strategi pengajaran global dengan efektif.

Peluang dalam mengembangkan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia membawa manfaat yang besar, tetapi ia juga datang dengan risiko yang perlu diuruskan. Risiko ini, jika ditangani dengan baik boleh membuka peluang-peluang baharu yang dapat membangunkan kompetensi global dalam kalangan guru Malaysia dengan cara yang lebih inovatif dan inklusif. Dengan memahami dan menguruskan hubungan antara peluang, risiko, dan peluang baharu, Malaysia boleh mengoptimumkan potensi inisiatif pembangunan kompetensi global guru dan memastikan keberkesaan pelaksanaannya. Untuk menguruskan peluang dan risiko dalam pembangunan kompetensi global guru memerlukan pemilihan strategi yang bijak, tindakan yang terancang, dan penentuan keutamaan yang tepat. Dengan melabur dalam teknologi, memperluas kerjasama antarabangsa, dan membangunkan latihan profesional yang fleksibel, Malaysia boleh mengoptimumkan potensi pembangunan kompetensi global guru. Keutamaan tindakan perlu ditetapkan berdasarkan keperluan segera dan impak jangka panjang untuk memastikan keberkesaan pelaksanaan inisiatif pembangunan kompetensi global guru.

Tindak Balas (*Responses*) Yang Timbul Dari Pembangunan Kompetensi Global Guru

Dalam usaha untuk memperkuuh pembangunan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia, pelbagai pihak berkepentingan dijangka akan memberikan tindak balas. Memahami tindak balas yang mungkin diterima dari pihak berkepentingan serta peraturan dan undang-undang yang mungkin timbul, adalah penting dalam menyusun strategi yang berjaya. Selain itu, menilai nilai perniagaan bagi setiap peluang dan risiko dapat membantu dalam membuat keputusan strategik yang tepat. Bahagian ini akan membincangkan tindak balas daripada pihak berkepentingan, peraturan dan undang-undang yang mungkin timbul serta menilai nilai perniagaan bagi setiap peluang dan risiko.

Tindak Balas daripada Pihak Berkepentingan

Pihak berkepentingan seperti pelanggan (pelajar dan ibu bapa), pesaing, pelaksana (sekolah dan institusi pendidikan) dan rakan kongsi (organisasi antarabangsa) mungkin memberikan tindak balas yang pelbagai terhadap strategi pembangunan kompetensi global guru. Pelajar dan ibu bapa mungkin menyambut baik inisiatif ini kerana ia membuka peluang untuk pembelajaran yang lebih luas dan pembangunan individu berkompetensi global tinggi yang mampu bersaing di peringkat dunia. Walau bagaimanapun, mereka juga mungkin menunjukkan kebimbangan terhadap perubahan dalam kurikulum atau beban tambahan dalam pembelajaran.

Pesaing, terutamanya institusi pendidikan lain, mungkin melihat strategi ini sebagai peluang untuk meningkatkan tawaran mereka atau sebagai ancaman kepada kedudukan mereka dalam pasaran pendidikan global. Ini mungkin mendorong mereka untuk memperkenalkan inovasi atau meningkatkan kualiti pendidikan mereka sendiri.

Manakala, pihak pelaksana, termasuk sekolah dan pusat latihan, mungkin berasa tertekan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang diperkenalkan oleh strategi ini. Mereka mungkin memerlukan sokongan tambahan dalam bentuk latihan dan sumber. Rakan kongsi antarabangsa pula mungkin memberikan sokongan dalam bentuk kerjasama atau sumber tambahan, tetapi mereka juga mungkin menetapkan syarat atau mengharapkan keuntungan daripada kerjasama tersebut.

Peraturan yang Mungkin Timbul

Dalam konteks strategi pembangunan kompetensi global, beberapa peraturan mungkin diperkenalkan untuk memastikan pelaksanaan yang berkesan dan adil. Contohnya, peraturan berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pendidikan mungkin diperkenalkan untuk memastikan keselamatan data dan perlindungan data peribadi pelajar. Di samping itu, peraturan tentang piawaian kualiti latihan profesional mungkin diperkenalkan untuk memastikan bahawa program latihan yang dianjurkan adalah berkualiti tinggi dan relevan dengan keperluan semasa guru (Darling-Hammond et al., 2017).

Peraturan mengenai kerjasama antarabangsa juga mungkin diperkenalkan untuk menguruskan hubungan antara institusi pendidikan tempatan dan luar negara, termasuk syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan mekanisme penyelesaian konflik yang mungkin timbul.

Impak Undang-Undang Baharu atau Akan Datang

Undang-undang baharu atau akan datang boleh memberi impak yang ketara ke atas strategi pembangunan kompetensi global guru. Sebagai contoh, undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan siber dan perlindungan data peribadi mungkin memerlukan penyesuaian dalam cara data pelajar dikumpul dan digunakan dalam program teknologi pendidikan. Ini boleh mempengaruhi kos dan pelaksanaan teknologi dalam pendidikan.

Undang-undang berkaitan dengan kualiti pendidikan dan latihan profesional mungkin memperkenalkan syarat-syarat baharu yang perlu dipatuhi oleh penganjur program latihan. Ini boleh meningkatkan kos dan memerlukan penyesuaian dalam kandungan dan metodologi latihan.

Nilai Perniagaan bagi Setiap Peluang dan Risiko

Menilai nilai perniagaan setiap peluang dan risiko adalah penting untuk memutuskan langkah strategik yang tepat. Peluang seperti pengintegrasian teknologi dalam pendidikan menawarkan nilai perniagaan yang tinggi dengan meningkatkan akses kepada sumber pembelajaran dan memperbaiki kualiti pendidikan. Ini boleh membawa kepada peningkatan kepuasan pelanggan (pelajar dan ibu bapa) dan mewujudkan daya saing bagi institusi pendidikan.

Kerjasama antarabangsa pula boleh memberikan nilai perniagaan melalui pertukaran pengetahuan dan pengalaman global, yang boleh meningkatkan kualiti pendidikan dan membuka peluang pasaran baharu. Walau bagaimanapun, risiko berkaitan dengan kos dan keberkesaan program latihan perlu dinilai dengan teliti. Program latihan profesional yang tidak berkesan boleh mengakibatkan pembaziran sumber dan tidak mencapai matlamat yang diinginkan.

Menghadapi peluang dan risiko dalam pembangunan kompetensi global memerlukan pemahaman yang mendalam tentang tindak balas daripada pihak berkepentingan dan peraturan yang mungkin timbul serta impak undang-undang baharu. Dengan menilai nilai perniagaan bagi setiap peluang dan risiko, Malaysia boleh membuat keputusan strategik yang bijak untuk memastikan kejayaan dan keberkesaan inisiatif pembangunan kompetensi global guru.

Keberkesaan Strategi Pembangunan Kompetensi Global Guru

Dalam konteks pembangunan kompetensi global guru di Malaysia, adalah penting untuk menilai keberkesaan integrasi strategi yang dilaksanakan dari aspek kebolehpercayaan, kejelasan, kesesuaian dan integrasi. Penilaian ini membantu dalam memastikan bahawa strategi yang digunakan bukan sahaja berfungsi dengan baik tetapi juga memberikan nilai yang optimum bagi semua pihak terlibat.

Keberkesanan

Keberkesanan strategi boleh diukur melalui penggunaan sumber yang maksimum dan pengurangan pembaziran. Dalam pembangunan kompetensi global guru, ia memerlukan pelaburan yang bijak dalam teknologi, latihan dan kerjasama antarabangsa. Strategi yang efektif adalah yang memanfaatkan sumber dengan sebaik mungkin, seperti penggunaan teknologi pendidikan untuk memperluas akses kepada pelajar dan melatih guru dengan kos yang berpatutan. Pelaburan dalam infrastruktur teknologi dan latihan profesional yang disasarkan dapat mengurangkan pembaziran sumber yang tidak perlu dan memastikan bahawa setiap sumber digunakan secara optimum. Strategi yang efektif dalam latihan profesional dapat mengurangkan kos jangka panjang dan meningkatkan hasil pembelajaran.

Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan merujuk kepada keupayaan strategi untuk bersifat boleh diramal, konsisten dan fleksibel. Strategi dalam pembangunan kompetensi global guru perlu menyediakan hasil yang konsisten dari masa ke masa dan membolehkan penyesuaian dilakukan jika berlaku masalah. Sebagai contoh, program latihan profesional yang baik harus menawarkan bahan dan teknik yang sama di seluruh negara untuk memastikan kualiti yang konsisten. Selain itu, strategi yang dirancang harus menyediakan mekanisme untuk menilai dan menyesuaikan pelaksanaan secara berterusan berdasarkan maklum balas dan hasil yang diperoleh bagi memastikan sebarang kekurangan dapat diperbetulkan dengan cepat.

Kejelasan

Kejelasan merujuk kepada kesederhanaan, konsistensi, dan penyesuaian diri terhadap faktor manusia. Strategi yang jelas adalah yang mudah difahami dan dilaksanakan serta sesuai dengan keperluan pengguna. Dalam konteks pembangunan kompetensi global guru, ia adalah pendekatan yang jelas dan mudah diikuti oleh guru dan pelajar, serta mengurangkan beban tambahan yang tidak perlu. Selain itu, strategi harus fleksibel iaitu boleh disesuaikan dengan pelbagai gaya pembelajaran dan keperluan individu.

Kesesuaian

Kesesuaian strategi merujuk kepada sejauh mana strategi tersebut menyokong dan memaksimumkan objektif. Dalam konteks strategi pembangunan kompetensi global guru, strategi tersebut harus menyokong matlamat pendidikan yang lebih luas, seperti meningkatkan kualiti pendidikan dan mempersiapkan pelajar untuk menghadapi cabaran global. Strategi yang sesuai akan menyokong objektif ini dengan menyediakan sumber yang diperlukan seperti teknologi dan latihan serta memastikan bahawa pelaksanaan strategi selaras dengan keperluan dan matlamat pendidikan negara.

Integrasi

Integrasi dalam strategi bermaksud mencipta, menyokong, dan memaksimumkan sinergi di seluruh sistem. Bagi pembangunan kompetensi global guru, ini melibatkan penyelarasan antara pelbagai aspek sistem pendidikan, termasuk kurikulum, teknologi, dan latihan profesional. Strategi yang terintegrasi akan memastikan bahawa semua komponen berfungsi secara harmoni, memaksimumkan hasil keseluruhan dan mengelakkan konflik antara sistem. Sebagai contoh, integrasi antara teknologi pendidikan dan kurikulum global dapat memastikan bahawa sumber dan pendekatan pengajaran diselaraskan dan disampaikan dengan cara yang paling berkesan.


Penilaian keberkesanan, kebolehpercayaan, kejelasan, kesesuaian dan integrasi dalam strategi pembangunan kompetensi global guru adalah penting untuk memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaan. Strategi yang berkesan akan memanfaatkan sumber dengan baik, menyediakan hasil yang konsisten dan boleh diramal, serta mudah difahami dan dilaksanakan. Ia juga harus menyokong objektif pendidikan yang lebih luas dan memastikan semua komponen sistem berfungsi secara harmoni. Dengan memastikan semua kriteria ini dipenuhi, Malaysia boleh meningkatkan kualiti pendidikan global dan mencapai matlamat pendidikan yang diinginkan.

Rajah 2 menunjukkan kerangka model analisis SCORE bagi pembangunan kompetensi global guru di Malaysia.

Rajah 2

Kerangka Analisis SCORE bagi Pembangunan Kompetensi Global Guru

Pembangunan Kompetensi Global Guru



Kesimpulan

Kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan dalam memperkenalkan analisis SCORE sebagai kerangka strategik untuk membangunkan kompetensi global dalam kalangan guru di Malaysia. Pendekatan ini amat relevan kerana ia menggabungkan elemen yang holistik seperti kekuatan, cabaran, pilihan, tindak balas, dan keberkesanan, yang dapat membantu guru mengenal pasti dan memperbaiki keupayaan mereka dalam konteks global. Dari segi positif, kajian ini memperkaya literatur dan menyediakan satu alat yang berguna untuk pentadbiran dan guru dalam memahami serta meningkatkan kompetensi global. Namun, terdapat kekurangan yang boleh diperbaiki, seperti penggunaan hanya satu model analisis iaitu SCORE, tanpa perbandingan mendalam dengan model lain seperti SWOT, NOISE, dan SOAR, yang boleh memberikan perspektif yang lebih luas. Cadangan penambahbaikan termasuk memperkenalkan kajian empirikal yang mengukur keberkesanan SCORE secara langsung serta menilai aplikasinya dalam konteks bilik darjah yang sebenar. Kajian lanjut juga boleh mempertimbangkan elemen-elemen tambahan seperti teknologi pendidikan dalam pembangunan kompetensi global.

Penghargaan

Kami amat menghargai sokongan kewangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kami berterima kasih kepada semua yang memberikan pandangan dan kepakaran yang banyak membantu penyelidikan itu. Kami berterima kasih kepada semua pakar atas bantuan dengan komen membina dalam menambah baik manuskrip.

Rujukan:

- Abid Haleem, Mohd Javaid, Mohd Asim Qadri & Rajiv Suman. (2022). Understanding the role of digital technologies in education: A review. *Sustainable Operations and Computers*, 3, 275-285.
- Baily, S. & Homnarsdottir, H. B.. (2019). Fostering teachers' global competencies: bridging Utopian expectations for internalization through exchange. *FIRE: Forum for International Research in Education*, 5(2), 226-244.
- Darling-Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. (2017, June 5). Effective teacher professional development. Palo Alto, CA: Learning Policy Institute. <https://doi.org/10.54300/122.311>.
- Ferguson-Patrick, K., Reynolds, R., & Macqueen, S. (2018). Integrating curriculum: a case study of teaching Global Education. *European Journal of Teacher Education*, 41(2), 187–201. <https://doi.org/10.1080/02619768.2018.1426565>
- Hervie, D. M. & Winful, E. C.. (2018) Enhancing teachers' performance through training and development in Ghana education service (A case study of Ebenezer Senior High School). *Journal if Human Resource Management*, 6(1), 1-8.
- Jayanthi Rajendran, V. Jeya Santhi, Rajesh Kumar Chauhan, Lovi Singh & Licy Varghese. (2023). The impact of continuous professional development on teacher retention and performance. *Journal of Harbin Engineering University*, 44(8), 1348-1356.
- Jiaxin G., Huijuan Z., & Howlader Md Hasan. (2024). Global Competence in Higher Education: A Ten Year Systematic Literature Review. *Frontier in Education* 9:1404782. doi: 10.3389/feduc.2024.1404782

- Kartini Abdul Mutalib, Ahmad Shabudin Yahaya, Razila Aw Kamaluddin, Abdul Hadi Mat Dawi, & Suzana Harun. (2023). Penguasaan Kompetensi Global 6C Guru-Guru Pelatih Dalam Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna. *International Journal of Education, Islamic Studies and Social Sciences Research*, 8(1), 1-7.
- Kerkhoff, S.N.. (2017). Designing global futures: A mixed methods study to develop and validate the teaching for global readiness scale. *Teaching and Teacher Education*, 65, 91-106.
- Li, C., Ning, G., Xia, Y., Guo, K., & Liu, Q. (2022). Does the Internet Bring People Closer Together or Further Apart? The Impact of Internet Usage on Interpersonal Communications. *Behavioral Sciences*, 12(11). <https://doi.org/10.3390/bs12110425>
- Neal, M. (2023, August 15). SWOT, NOISE, SOAR, and SCORE, Tools for Strategy. <https://medium.com/@marcneal/swot-noise-soar-and-score-tools-for-strategy-3b11a30031fd>
- Neal, M. (2024, August 9). SCORE, an Alternative to SWOT. [https://medium.com/@marcneal\(score-an-alternative-to-swot-64bcf5fc740a](https://medium.com/@marcneal(score-an-alternative-to-swot-64bcf5fc740a).
- Noor Hazlinda Ayob, Intan Suria Hamzah, & Mohd Amar Aziz. (2021). Merapatkan Jurang Digital dalam Pendidikan: Dasar dan Strategi di Malaysia. *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 6(25), 157-170. <https://10.35631/JTHEM.625012>.
- Nur Syafiqah Yacob, Melor Md. Yunus, & Harwati Hashim. (2022). Globally competent teachers: English as a second language teachers' perceptions on global competence in English lessons. *Frontiers in Psychology* 13:925160. <http://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.925160>.
- Nurhijrah Zakaria, Pajuzi Awang, Badrul Muin Muhamad Adam, Hammadah Abdul Rahman, Hj. Salleh Said, & Rashiha Hj. Muhammad. (2019). The Level of Global Competence among Students of Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu, Malaysia. In Noorlela Noordin, & Norazrina Ngadnon (Eds.), *Sustainable Development and Societal Wellbeing in The Current Technological Era* (pp. 280 - 291). Padang: Redwhite Pres. <https://doi.org/10.32698/GCS.01111>.
- Nurhijrah Zakarian, Mohamed Ali Haniffa, & Hasnul Hadi. (2020). Pembangunan Kompetensi Global Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Di Malaysia Bagi Mendepani Cabaran Pendidikan Era Revolusi Industri. Satu Kajian Kes. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1). <https://www.masree.info/wp-content/uploads/2020/06/8-Pembangunan-Kompetensi-Global-Guru-Pelatih-Institut-Pendidikan-Guru-Di-Malaysia-Bagi-Mendepani-Cabaran-Pendidikan-Era-Revolusi-Industri.-Satu-Kajian-Kes.pdf>
- Organization for Economic Cooperation and Development (OECD). (2018). PISA 2018 Global Competence. <https://www.oecd.org/en/topics/sub-issues/global-competence/pisa-2018-global-competence.html>.
- Parmigiani, D., Jones, S. L., Kunnari, I., & Nicchia, E. (2022). Global competence and teacher education programmes. A European perspective. *Cogent Education*, 9(1), 1-17. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2021.2022996>
- Siti Nurul Aqiedah Ibrahim & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2024). How does global competency look like in Malaysian teachers? Issues and suggestions. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(2), 837-844. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i2/21375>.
- Taherdoost, H., & Madanchian, M. (2021). Determination of Business Strategies Using SWOT Analysis; Planning and Managing the Organizational Resources to Enhance Growth and

Profitability. Macro Management & Public Policies, 3(1), 19–22. doi:10.30564/mmpp.v3i1.2748